



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA  
KENYATAAN MEDIA  
BIL. 11 / 2024**

**PROSES PENGUNDIAN AWAL BAGI  
PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DEWAN NEGERI  
N.06 KUALA KUBU BAHRU, SELANGOR**

1. Hari ini telah berlangsung proses pengundian awal bagi **PRK Dewan Negeri N.06 Kuala Kubu Baharu**. Proses pengundian awal ini hanya melibatkan **dua (2) Pusat Mengundi** iaitu di **Dewan Serbaguna Maktab PDRM, Kuala Kubu Baharu** dan **Rejimen Semboyan Divisyen Keempat Infantri, Kem Erskine** yang bermula pada pukul **8:00 pagi sehingga 5:00 petang**.
2. Proses mengundi awal bagi PRK Dewan Negeri N.06 Kuala Kubu Baharu melibatkan seramai **769** orang pengundi awal yang terdiri daripada anggota polis dan tentera serta pasangan. Peratus keluar mengundi bagi hari mengundi awal adalah sebanyak **97%**.
3. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan amat baik pada hari ini.

4. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Penerangan Malaysia, pengamal media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas segala kerjasama dan sokongan yang telah diberikan kepada SPR.

Sekian.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

7 Mei 2024 / 28 Syawal 1445H